

16/11/2003

Balak: Kementerian sedia laporan tuduhan Indonesia

Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR: Kementerian Perusahaan Utama sudah menyediakan laporan berhubung tindakan Menteri Perhutanan Indonesia meminta Kesatuan Eropah (EU) tidak membeli balak dan produk kayu dari Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pihaknya akan menyerahkan semua maklumat itu kepada Wisma Putra supaya digunakan untuk membuat bantahan kepada Indonesia berkaitan perkara berkenaan.

Beliau berkata, Malaysia juga kecewa dengan dakwaan menteri Indonesia itu bahawa semua hasil eksport balak dari negara ini dijalankan secara haram di wilayah Indonesia.

"Indonesia sepatutnya menghantar pegawainya untuk membuat pemeriksaan sama ada Malaysia terbabit dalam kegiatan pembalakan di wilayahnya," katanya selepas mesyuarat Jawatan Kuasa Kerja Pusat Gerakan, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Menteri Perhutanan negara itu, Muhammad Prakosa yang meminta EU tidak membeli balak dan produk kayu dari Malaysia seperti yang disiarkan Jakarta Post.

Isu berkaitan sebenarnya tertumpu kepada kayu yang dibeli pengusaha kilang dari Sarawak dan Sabah yang bergantung kepada kayu Indonesia untuk sumber bahan mentah.

Oleh kerana kedua-dua negeri bersempadankan Kalimantan Barat, ia menjadi pintu masuk utama kayu Indonesia sama ada dari laut di Tawau, Sabah dan Sematan dan Sibiu (Sarawak) atau Tebedu dan Lubok Antu (laluhan darat di Sarawak).

Malah, masalah yang sama turut disentuh Presiden Megawati Sukarnoputri ketika berbincang dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Mesyuarat Dua Hala Malaysia-Indonesia yang berlangsung di Kuching, akhir Ogos lalu.

Dr Lim berkata, Malaysia sudah mengharamkan import kayu segi empat bergergaji dari Indonesia berkuat kuasa 1 Jun ini bagi mengelak persepsi negatif terhadap industri pembalakan negara.

Katanya, mulai tarikh itu Malaysia tidak lagi membenarkan import kayu segi empat bergergaji berukuran lebih 60 inci persegi atau 60 LSS.

Mulai tarikh itu juga semua pengimport kayu bergergaji dimestikan memberi bukti bona fide yang menyatakan tempat asal balak terbabit.

Pengimport mesti membuktikan kepada Jabatan Kastam Malaysia bahawa syarikat pembalakan terbabit benar-benar beroperasi di negara asal produk itu.

Dalam perkembangan lain, Dr Lim akan mengadakan lawatan ke China bagi meninjau pembangunan industri perabot di negara berkenaan, mulai hari ini hingga 22 November depan.

Katanya, lawatan itu juga adalah untuk meningkatkan hubungan dua hala antara kedua negara melalui kerjasama dalam bidang berkenaan.

"Dalam lawatan selama seminggu itu, delegasi Malaysia itu juga akan melawat beberapa bandar di Wilayah Guangdong termasuk Guangzhou, Shunde dan Dongguan," katanya.

Dr Lim berkata, industri perkayuan di Malaysia menunjukkan prestasi yang menggalakkan dengan jumlah eksport sebanyak RM15.26 bilion, pada 2002.